

01/08/1998

Sistem gaji matriks dinilai tahun depan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) hanya dapat menilai sebarang permohonan baru Cuepacs mengenai kajian semula sistem gaji matriks yang sering didakwa sebagai tidak adil, tahun depan.

Berita Harian difahamkan, ini kerana tiada lagi mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Am dijadualkan pada tahun ini bagi membincangkan sebarang cadangan baru.

Mesyuarat ketiga yang berlangsung pada 25 April lalu adalah yang terakhir untuk tahun ini, manakala tarikh untuk mesyuarat pertama tahun depan masih belum ditentukan.

Presiden Cuepacs, Abdul Aziz Mohd Sultan, ketika melancarkan borang kaji selidik laporan penilaian prestasi untuk kakitangan awam baru-baru ini berkata, beliau akan mengemukakan cadangan baru itu kepada JPA sebelum akhir tahun ini.

Abdul Aziz berkata, JPA sudah dimaklumkan mengenainya dan cadangan yang akan berdasarkan pandangan kakitangan awam juga adalah sebagai memenuhi permintaan JPA bagi kajian semula sistem gaji matriks.

Menurutnya, tindakan itu adalah langkah susulan Cuepacs bagi mengemukakan rintihan kakitangan awam yang tidak bersetuju dengan kaedah Sistem Saraan Baru (SSB) yang mengaitkan pergerakan tahunan dengan penilaian prestasi tahunan.

Sebelum ini, Cuepacs sudah beberapa kali mengemukakan permohonan kepada JPA supaya mengkaji semula sistem gaji matriks itu yang didakwa hanya menguntungkan lima peratus kakitangan awam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga pernah mengarahkan JPA membuat kajian semula sistem itu apabila menerima rayuan daripada Cuepacs pada 29 Oktober 1996.

Bagaimanapun, perubahan kecil yang dibuat JPA melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1996 tidak menepati permintaan Cuepacs yang mendakwa terus menerima aduan dan rungutan daripada kakitangan awam.

(END)